



**SYARAT-SYARAT PENGIMPORAN SISA PLASTIK HS KOD 39.15  
(BERKUATKUASA 26 OKTOBER 2018)**

**Syarat-syarat :**

1. Mengemukakan gambar sebenar yang jelas dan kategori sisa plastik import.
2. Mendapat maklumat pematuhan premis daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui JPSPN.
3. Mengemukakan surat kelulusan pengeksport (pembekal) beserta sijil ISO 14000 pengeksport dan pengimport.
4. Mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
5. Mengemukakan inbois yang dicop dan ditandatangani.
6. Mengamalkan kekemasan yang teratur dan baik di kilang.
7. Mempunyai penstoran yang teratur seperti berbumbung dan lantai konkrit di kilang.
8. Mendapat kelulusan memasang dan mengoperasi jentera daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
9. Mengemukakan pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan yang disahkan oleh SIRIM.
10. Penetapan ratio sumber import sebanyak 70% berdasarkan kapasiti kilang untuk menggalakkan penggunaan sisa plastik tempatan.
11. Sisa plastik yang dijana daripada kilang perindustrian dan pasca pengguna yang homogen dan bersih sahaja dibenarkan.
12. Mengemukakan lokasi pelupusan sisa janaan kilang.
13. Mengemukakan senarai pembeli produk akhir (resin).
14. Mengemukakan senarai kilang di bawah milik syarikat.
15. Sekatan terhadap pengimportan sisa plastik dari negara membangun.
16. Lokasi kilang sisa plastik yang bersesuaian iaitu di zon perindustrian.
17. Membuat bayaran fi sisa import.\*
18. Mengemukakan Jaminan Bank sisa import.\*

\*Nota: Jumlah dan kaedah bayaran akan ditentukan oleh KPKT setelah dimuktamadkan



**SENARAI SEMAK DOKUMEN WAJIB YANG PERLU  
DIKEMUKAKAN OLEH SYARIKAT**

<b>BIL.</b>	<b>KRITERIA</b>	<b>ADA / TIADA</b>
1.	Mendapat maklumat pematuhan premis daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui JPSPN.	
2.	Mengemukakan surat kelulusan pengeksport yang masih di dalam sahlaku berserta sijil ISO 14000 pengeksport dan pengimport.	
3.	Mengemukakan kelulusan memasang dan mengoperasi jentera dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).	
4.	Mengemukakan pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan yang disahkan oleh SIRIM.	
5.	Mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan.	
6.	Mengemukakan senarai pembeli produk akhir (resin).	
7.	Mengemukakan senarai kilang di bawah milik syarikat.	
8.	Mengemukakan lokasi pelupusan sisa janaan kilang dan nama syarikat.	
9.	Maklumat jenis plastik dan punca sumber plastik daripada eksporter yang diluluskan oleh JPSPN.	
10.	Penyata bulanan sisa plastik bagi tiga (3) bulan terkini. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jumlah Diimport.</li> <li>- Jumlah Digunakan.</li> <li>- Jumlah Pengeluaran.</li> </ul>	
11.	Lesen Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) Kastam, bagi tiga (3) bulan terkini. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jika tiada, sila kemukakan surat akuan rasmi yang ditandatangani oleh syarikat.</li> </ul>	

<b>12.</b>	<p>Gambar terkini kilang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Posisi pintu masuk kilang, posisi belakang kilang, tempat simpanan bahan mentah, tempat basuhan tempat pengoperasian, tempat simpanan bahan siap.</li> <li>- Gambar hendaklah di cetak berwarna dalam saiz helaian A4 (Setiap helaian hanya diletakkan 2 gambar sahaja).</li> <li>- Gambar mempunyai cetakan tarikh dan masa di ambil.</li> </ul>	
------------	---	--

Saya mewakili syarikat..... No .Pendaftaran syarikat ..... mengaku dan mengesahkan semua keterangan dan maklumat yang diberikan adalah benar dan betul mengikut Akta Akuan Berkanun 1960. JPSPN berhak membatalkan pendaftaran dan AP syarikat jika maklumat yang diberikan didapati tidak benar.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Email Syarikat : .....

Cop Syarikat : .....

**Keputusan JPSPN**

**Diterima / Ditolak**

---



---



---

Disemak oleh :

---

Nama :

Tarikh :

Cop Jabatan :